

# Terokai industri aeroangkasa: PM

BH - 22/11/2006

## Bidang baik pulih pesawat berpotensi dimajukan

Oleh Azman Zakaria

**S**UBANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, industri aeroangkasa, terutama perkhidmatan penyelenggaraan dan baik pulih pesawat dikenal pasti bidang pertumbuhan baru yang perlu diterokai sepenuhnya Malaysia.

Perdana Menteri berkata, ini selaras dengan usaha Malaysia mahu menjadikan industri itu sebagai antara enjin utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan.

Katanya, negara mempunyai keperluan asas dari segi geografi, infrastruktur, politik, sumber tenaga mahir dan iklim mesra perniagaan untuk menjadi pusat aeroangkasa serantau.

"Dengan perancangan dan pelak-

sanaan strategik, industri aeroangkasa boleh dibangunkan bukan saja untuk memberi sumbangan bermakna kepada ekonomi tetapi juga mewujudkan limpahan industri berasaskan teknologi yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Pusat Penyelenggaraan Serantau Eurocopter Malaysia (ECM), di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), di sini, semalam.

Eurocopter adalah pengeluar helikopter pertama yang membina kemudahan penyelenggaraan dan khidmat sokongan di Malaysia lengkap dengan kemudahan asas di Subang, Kerteh, Miri dan Kuching.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy;

Pengarah Urusan ECM, Philippe Lubrano; Timbalan Presiden Eksekutif Kanan Kumpulan ECM, Philippe Harache dan Ketua European Aeronautic Defence and Space Company (EADS) International, Christian Duhaïn.

Abdullah berkata, keputusan EADS/Kumpulan Eurocopter untuk melabur di Malaysia adalah bukti keyakinan mereka terhadap usaha Malaysia mewujudkan sektor pertumbuhan baru, khususnya dalam bidang perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan aeroangkasa.

Katanya, pasaran modal dan kewangan juga terus menyokong pembangunan perindustrian dan komersial dengan matlamat akhir: mengurangkan kos mengendalikan perniagaan di negara ini.